

DATE: 15/05/2008

'Saya tidak kenal Altantuya'

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 14 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, beliau tidak pernah mengenali apatah lagi berjumpa dengan wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu, 28, yang mati dibunuh pada Oktober 2006.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu telah diperjelaskan beberapa kali tetapi ada sesetengah ahli Dewan Rakyat dengan sengaja cuba mengaitkan nama beliau dalam kes tersebut.

"Alhamdulillah saya masih dapat bertahan daripada segala tohmahan dan fitnah yang cuba dilempar dengan niat untuk mencemarkan nama baik saya," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika mengulung perbahasan usul ucapan terima kasih atas

titah Yang di-Pertuan Agong bagi Kementerian Pertahanan pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Najib terpaksa menjawab isu tersebut memandangkan semasa perbahasan di Dewan Rakyat, ahli Parlimen pembangkang kerap mengaitkan beliau dengan Altantuya dan penganalisis politik, Abdul Razak Abdullah Baginda ketika membangkitkan isu berkaitan pembelian kapal selam Scorpene dan pesawat pejuang Sukhoi.

Antara ahli Parlimen yang membangkitkan perkara itu ialah Pengerusi DAP, Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor), Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur), Lim Guan Eng (DAP-Bagan) serta Azmin Ali (PKR-Gombak).

Najib memberitahu, memandangkan perbicaraan kes pembunuhan Altantuya masih berjalan dan demi menghormati institusi mahkamah yang menjalankan

perbicaraan, adalah elok beliau tidak membuat sebarang komen.

"Biarlah mahkamah terus menjalankan peranan dan tanggungjawab menegakkan keadilan di negara ini tanpa ada apa-apa gangguan daripada mana-mana pihak," katanya.

Najib memberitahu, pada masa sama beliau berdoa semoga kes itu dapat diadili dengan sebaik-baik mungkin.

Tegasnya, kebenaran akan terserlah demi kedaulatan undang-undang yang sama-sama dijunjung.

Dalam pada itu, Najib memberitahu, Felda bersetuju membuka tanah rancangan baru bagi mengatasi masalah kemiskinan tegar di negara ini.

Beliau bagaimanapun menegaskan, pembukaan tanah rancangan baru itu perlu mendapat persetujuan kerajaan negeri.

Sebelum ini, Ahmad Maslan (BN-Pontian) membangkitkan mengapa terdapat ki-

ra-kira 54,977 keluarga miskin dan miskin tegar di negara ini dan beliau mencadangkan fasa kedua Felda dimulakan dengan segera dengan memperuntukkan kawasan 1.6 hektar bagi tapak rumah, ladang kelapa sawit dan kawasan peneroka mengusahakan penternakan lembu dan kambing.

Mengenai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Najib berkata kerajaan bercadang mewajibkan setiap pelatih menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum mereka memasuki kem.

Beliau berkata, ia adalah antara pelbagai formula yang telah dan akan digunakan oleh kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pelatih program itu.

"Penerimaan rakyat terhadap program ini amat menggalakkan dengan permohonan sukarela tahun ini mencecah 1,137 orang manakala tahun lepas 929 orang," kata beliau.

Um- 15/5/2008.